



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN  
SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## Akta 314

### AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1984

*Sebagaimana pada 1 Disember 2011*

**AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN  
PERUNDANGAN NEGERI) 1984**

Tarikh Perkenan Diraja      ...    ...    ...    ...    ...    24 Disember 1984

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ...    ...    ...    ...    31 Disember 1984

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 314****AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1984**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Badan Perundangan Negeri berkuasa meluluskan undang-undang berkenaan dengan perundangan penubuhan dan pengendalian industri berdasas kayu
4. Syarat dan sekatan
5. Kecualian

**JADUAL**



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 314**

#### **AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1984**

Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu.

[1 Januari 1985]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan pemakaian**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 dan, tertakluk kepada subseksyen (2), hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa dalam sesuatu Negeri apabila Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] diterima pakai menurut suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri menurut Fasal (3) Perkara 76 Perlumbagaan Persekutuan.

#### **Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“industri berasas kayu” ertiannya industri yang menjalankan usaha memproses, mengawet atau mengering kayu atau menukar kayu kepada pelbagai keluaran;

“kilang buluh” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengawet, memproses dan menukar buluh, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada keluaran pelbagai bentuk dan reka bentuk;

“kilang kerja kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi memproses selanjutnya kayu, rotan dan buluh yang telah ditukar kepada keluaran siap atau separuh siap selain kayu gergaji kasar;

“kilang kotak kayu, kret dan alat angkut” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya membuat kotak, pak, alat angkut atau peti besar untuk membawa barang;

“kilang kayu kumai” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengilang kumaian;

“kilang lantai parkir” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengeluarkan kepingan kayu pelbagai bentuk dan saiz yang secara amnya disusun secara bercorak untuk digunakan sebagai bahan lantai;

“kilang mancis” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya menukar kayu kepada bilah, yang hujungnya dibubuh campuran bahan kimia supaya mudah dinyalakan dengan haba atau geseran;

“kilang papan” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan untuk menukar kayu bulat tetapi tidak termasuk gergaji mudah alih berkuasa yang boleh dikendalikan dengan memegang dengan tangan;

“kilang papan bergerak” ertinya suatu kilang papan yang tidak terletak atau terikat secara kekal pada tanah dan yang boleh dibawa dari suatu tempat ke tempat yang lain;

“kilang papan bungkah”, “kilang papan baten” atau “kilang papan laminan” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengeluarkan papan gubah yang mengandungi teras

daripada jalur kayu daripada pelbagai ukuran yang dicantumkan bersama dengan glu di antara veniar;

“kilang papan gentian” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengeluarkan papan yang terdiri daripada kayu yang telah dikeluarkan gentian atau pulpanya dan kemudiannya digabung dengan tekanan, haba atau selainnya, dengan atau tanpa bahan pengikat atau bahan tambahan;

“kilang papan lapis” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengopek kayu balak menjadi veniar bagi membuat sesuatu keluaran terpasang yang terdiri daripada lapisan kayu yang diglu atau disimenkan sekali dengan tekanan mengikut arah ira lapisan yang bersempadan berada pada sudut tegak antara satu dengan lain;

“kilang papan serpih” atau “kilang papan serpai” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengeluarkan papan yang dibuat daripada serpihan kayu, termasuk serpaian, tatal dan habuk kayu yang telah dihancurkan sebahagiannya atau keseluruhannya dan kemudiannya digabung dengan tekanan, haba atau selainnya, dengan atau tanpa bahan pengikat dan bahan tambahan;

“kilang papan tatal kayu” atau “kilang papan simen kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengeluarkan suatu papan yang terdiri daripada serpihan kayu termasuk serpai, tatal, dan habuk kayu yang dimampat dengan pengikat simen dan bahan tambahan;

“kilang papan wafer” atau “kilang papan flake” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya menukar kayu kepada wafer atau flake kemudiannya menggabungkan wafer atau flake itu menjadi bahan keping dengan menggunakan resin sintetik atau pengikat organik lain berserta dengan penggunaan haba dan tekanan;

“kilang perabot” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan untuk memproses selanjutnya kayu, rotan dan buluh menjadi perabot atau bahagian perabot;

“kilang pulpa dan kertas” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi mengeluarkan gentian kayu melalui proses mekanik atau kimia dan menukar sebahagian atau

kesemua gentian yang dipisahkan itu menjadi kertas, papan kertas atau keluaran lain yang seumpamanya;

“kilang pulpa rayon” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi mengeluarkan gentian kayu melalui proses mekanik atau kimia menjadi selulosa yang amat bersih dan sesuai bagi pengilangan rayon atau keluaran lain daripada selulosa;

“kilang rotan” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengawet, memproses dan menukar rotan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada keluaran daripada pelbagai bentuk dan reka bentuk;

“kilang veniar” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengopek atau melayang kayu menjadi veniar;

“loji cebis kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya menukar apa jua bentuk kayu kepada cebis-cebis yang lebih kurang sama ukurannya;

“loji hidrolisis kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi menukar karbohidrat yang ada pada kayu atau bahan selulosa lain kepada gula yang kemudiannya akan ditapai untuk menghasilkan alkohol perindustrian;

“loji kayu briket” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya memampatkan habuk kayu, tatal, lebihan kayu dan arang, dengan atau tanpa bahan pengikat, untuk digunakan sebagai bahan api;

“loji komponen bangunan kayu siap dulu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya mengilang komponen, bahagian sesuatu bangunan yang dipasang lengkap atau struktur lain sebagai persediaan bagi pemasangannya di sesuatu tempat;

“loji pengawetan” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi mengawet kayu dengan bahan pengawet yang boleh mengurangkan rentanan kemerosotan kayu disebabkan oleh kulat, serangga pasak laut atau api;

“loji penyulingan kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang boleh digunakan bagi penguraian kayu dengan memanaskan tanpa hubungan udara, dan mengeluarkan terutamanya arang, sulingan tar, asid piroligneus dan gas mudah terbakar;

“loji tanur pengering” ertinya suatu kebuk yang boleh menyesuaikan kayu kepada aras kandungan air yang dikehendaki melalui penggunaan proses terma, elektrik, suria dan kimia;

“loji tepung kayu” ertinya suatu jentera atau sekumpulan jentera yang berupaya menukar apa juu bentuk kayu melalui proses mekanik kepada zarah halus;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan;

“tanur arang” ertinya suatu kebuk atau retort yang dibina daripada bata atau logam bagi pengkarbonan kayu untuk menghasilkan arang atau termasuklah suatu tanur tanah atau tanur lubang.

**Badan Perundangan Negeri berkuasa meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu**

3. (1) Maka hendaklah termasuk dalam kekuasaan Badan Perundangan Negeri untuk meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu yang dinyatakan dalam Jadual, dan bagi apa-apa perkara yang bersampingan dan berbangkit berhubungan dengannya sebagaimana difikirkan perlu oleh Badan Perundangan itu; dan Badan Perundangan tersebut boleh dari semasa ke semasa meminda atau memansuhkan mana-mana undang-undang sedemikian.

(2) Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah.

**Syarat dan sekatan**

4. Mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh sesuatu Badan Perundangan Negeri menurut Akta ini hendaklah memperuntukkan—

- (a) bahawa pengeluaran lesen di bawahnya tidak boleh disifatkan melepaskan pemegang lesen daripada pematuhan kepada mana-mana Undang-Undang Persekutuan yang berhubungan dengan aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan; dan
- (b) bahawa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawahnya tidak boleh mengandungi apa-apa syarat atau sekatan yang bercanggah atau berlawanan dengan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan pada mana-mana lesen lain yang dikeluarkan kepada pemegang lesen di bawah mana-mana Undang-Undang Persekutuan yang berkaitan dengan aktiviti yang sama.

### **Kecualian**

**5.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjaskannya hak dan kuasa Parlimen untuk meluluskan apa-apa undang-undang sebagaimana difikirkannya patut berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu.

---

JADUAL

[Subseksyen 3(1)]

INDUSTRI BERASAS KAYU

1. (i) Kilang papan  
(ii) Kilang papan bergerak
  2. (i) Kilang veniar  
(ii) Kilang papan lapis
  3. (i) Loji tanur pengering  
(ii) Loji pengawetan
  4. (i) Kilang perabot  
(ii) Kilang kumai kayu  
(iii) Kilang kerja kayu  
(iv) Kilang lantai parker  
(v) Kilang kotak kayu, kret dan alat angkut  
(vi) Loji komponen bangunan kayu siap dulu
  5. (i) Kilang papan bungkah / kilang papan baten / kilang papan laminan  
(ii) Kilang papan serpih / kilang papan serpai  
(iii) Kilang papan gentian  
(iv) Kilang papan tatal kayu / kilang papan simen kayu  
(v) Kilang papan wafer / kilang papan flake
  6. Kilang pulpa dan kertas
  7. (i) Loji cebis kayu  
(ii) Loji tepung kayu
  8. (i) Tanur arang  
(ii) Loji kayu briket
  9. Kilang mancis
  10. (i) Loji penyulingan kayu  
(ii) Loji hidrolisis kayu  
(iii) Kilang pulpa rayon
  11. Kilang buluh
  12. Kilang rotan
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 314**

**AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN  
PERUNDANGAN NEGERI) 1984**

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

**-TIADA-**

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 314**

**AKTA INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN  
PERUNDANGAN NEGERI) 1984**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari

**-TIADA-**

---